



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN  
PERAYAAN DEEPAVALI 2021**

**TARIKH: 27 OKTOBER 2021 (RABU), MASA: 2.30 PETANG  
DI DEWAN PDTAG, ALOR GAJAH.  
(WAKIL: YB DATUK WIRA LATIFAH BINTI OMAR)**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Vanakam dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis;

*(Salutasi Di Rostrum)*

## **MUKADIMAH**

1. Apa khabar semua? Pertamanya, saya bersyukur kerana diberikan kelapangan waktu dan dikurniakan rezeki sihat tubuh badan untuk hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Deepavali 2021 pada petang ini.
2. Di kesempatan ini, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengarah Jabatan Kebajikan masyarakat Negeri Melaka dengan kerjasama

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Alor Gajah kerana telah mengatur serta menjayakan Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali ini.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Saudara-saudari yang di hormati sekalian,

## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI

4. Sebagaimana kita sedia maklum, pada **18 Oktober 2021**, Negeri Melaka telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di mana banyak kelonggaran telah diberikan oleh kerajaan dengan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
  
5. Saya cukup yakin dan percaya, saudara dan saudari semestinya sangat gembira untuk menyambut Pesta Cahaya atau Perayaan Deepavali pada tahun ini, kerana kini tiada lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sebaliknya pergerakan rentas

negeri dibenarkan. Ini bermakna tuan-tuan dan puan-puan juga dibenarkan untuk berkumpul bersama keluarga dan menziarahi sahabat-handai.

6. Sungguhpun begitu, saya ingin berpesan kepada semua, supaya sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan, jaga penjarakan, sentiasa memakai pelitup muka dan membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* jika pergi ke mana-mana semasa menyambut perayaan ini. Saya yakin, dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, kita pasti dapat memutuskan rantaian wabak COVID-19 dan menjalani kehidupan seperti sedia kala.

7. Dalam pada itu, pada **20 Oktober 2021** baru-baru ini, Melaka telah dilanda bencana banjir kilat yang menjejaskan sebahagian besar daripada rakyat Negeri Melaka. Banjir kilat ini adalah disebabkan jumlah taburan hujan yang melebihi purata kebiasaan. Kepada semua mangsa-mangsa banjir, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka memohon maaf susulan bencana alam yang melanda, di samping merakamkan rasa sedih dan dukacita dengan tragedi yang berlaku ini. Saya berharap urusan penduduk Parlimen Alor Gajah yang terjejas akibat banjir ini dipermudahkan urusan dengan segera.

Saudara-saudari yang di hormati sekalian,

8. Seperti perayaan lain di Malaysia, Deepavali juga adalah suatu bukti kukuh sebagai lambang keutuhan kasih sayang dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan budaya di negara ini. Pastinya, kita akan sama-sama menyambut perayaan Deepavali ini tidak kira apa jua bangsa, agama dan kaum. Hakikatnya, kita sebagai rakyat Malaysia amat beruntung dan bertuah kerana dapat hidup dalam keadaan rukun dan damai didokong hasil perpaduan yang utuh tanpa mengira bangsa dan agama.



9. Saya yakin, perayaan ini akan disambut dengan penuh semangat muhibah kerana sambutan sebegini dapat memupuk tali persaudaraan dan keharmonian yang lebih kukuh dalam kalangan semua kumpulan etnik di Malaysia.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

10. Setiap kali tiba musim perayaan utama, saya amat bersyukur Kerajaan Negeri Melaka tidak pernah lupa untuk menghulurkan sumbangan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Hari ini, kita dapat hadir di sini, untuk bersama-sama meraikan

seramai **200 orang** penerima sumbangan dari **5 DUN** terdiri daripada **Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan golongan kurang berkemampuan** yang akan menyambut Perayaan Deepavali pada **4 November 2021** nanti.

11. Program sumbangan ini juga telah dijadualkan untuk dilaksanakan sepanjang minggu ini di setiap kawasan Parlimen di Melaka dengan jumlah keseluruhan seramai **1,120** orang penerima termasuk penerima di Daerah Alor Gajah. Untuk makluman semua, sumbangan pada kali ini berbentuk wang tunai sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)**.

12. Kepada semua penerima yang diraikan, semoga dengan kehadiran dan interaksi seumpama ini, sedikit sebanyak hasrat Kerajaan Negeri dalam menyampaikan amanah kepada rakyat telah dilaksanakan secara telus dan tulus di semua peringkat masyarakat. Selain itu, saya juga berharap sumbangan yang diberi ini sedikit sebanyak dapat melengkapkan dan memeriahkan lagi suasana sambutan Deepavali saudara dan saudari sekeluarga.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

13. Di kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Negeri Melaka kerana menyediakan platform untuk pihak Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan kepada masyarakat India yang akan menyambut Perayaan Pesta Cahaya ini.
  
14. Semoga Negeri Melaka ini dihindari daripada sebarang musibah dan wabak penyakit. Saya akhiri ucapan saya dengan ungkapan "***Eniya Deepavali Nal Vaalthukal***". Selamat menyambut Hari Deepavali kepada rakyat Melaka yang beragama Hindu dengan harapan, perayaan ini akan membawa cahaya kebahagiaan dan keharmonian

yang lebih gemilang kepada kita semua selain kita akan terus kukuh bersama keluarga Malaysia yang sejahtera.

15. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya bagi pihak YAB Ketua Menteri Melaka, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Deepavali Tahun 2021.**

Sekian, Wabillahitaufik, walhidayah wassalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Terima Kasih.